



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK;
JAUHI SIFAT
MAZMUMAH



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"JAUHI SIFAT MAZMUMAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنْ تَمَسَّسَكُمْ حَسَنَةٌ تَسُوهُمُ وَإِنْ تُصِيبَكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُوا بِهَا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia hingga ke akhirat.</p>	5
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,</p> <p>"JAUHI SIFAT MAZMUMAH". Akhlak berasal daripada perkataan khuluqun. Khuluqun bermaksud budi, iaitu sesuatu yang tersimpan dalam hati, sangat halus dan tidak diketahui orang lain, namun memiliki kekuatan yang sangat besar terhadap tingkah laku perbuatan manusia. Akhlak terbahagi kepada dua iaitu mahmudah (akhlak terpuji) dan mazmumah (akhlak tercela).</p>	6



<p>Akhlak mazmumah ialah perbuatan tercela menurut pandangan akal dan syariat Islam. Dikenali sebagai sifat-sifat mazmumah, yang bercanggah dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Antara sifat mazmumah ialah mempersekutukan Allah SWT, bohong, takbur, dengki, khianat, bakhil, marah dan sebagainya. Akhlak mazmumah ini bukan sifat Rasulullah SAW.</p>	7
<p>Hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,</p> <p><i>“Tidak akan masuk ke dalam syurga orang yang dalam hatinya terdapat kesombongan walau sebesar zarah.”</i></p> <p><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	8
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,</p> <p>Antara sifat mazmumah ialah hasad dengki. Dengki bermaksud perasaan iri hati iaitu mengharap semoga nikmat dan kelebihan yang ada pada orang lain itu hilang dan berpindah pada dirinya. Orang yang mempunyai sifat dengki ini tidak boleh melihat orang lain mendapat nikmat yang lebih daripada dirinya dalam sesuatu perkara baik. Orang yang bersifat demikian seolah-olah membangkang kepada Allah SWT kerana mengurniakan sesuatu nikmat kepada orang lain. Sifat dengki dapat menghilangkan segala amal kebajikan seseorang sesuai dengan</p>	9
<p>sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'anhu yang bermaksud;</p> <p><i>“Jauhilah oleh kamu sifat dengki itu, bahawasanya perasaan dengki itu memakan segala kebaikan sebagaimana api memakan kayu yang kering.”</i></p> <p><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	10



Sifat atau perasaan seperti ini adalah sifat mazmumah yang sangat dibenci oleh Allah, bahkan Allah SWT telah menegaskan di dalam al-Quran melalui surah Al-Nisa' ayat 32:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ

11

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurniaan yang telah dilebihkan Allah kepada sebahagian yang lain.."

Untuk mengelakkan perasaan hasad, dengki dan iri hati ini, dia hendaklah mengucapkan puji dan syukur kepada Allah atas nikmat yang dikecapi oleh saudara se-Islam kita. Mudah-mudahan kita juga akan dilimpahi Allah nikmat yang serupa kelak.

12

Manakala sifat marah berpunca daripada kurang kesabaran dalam menghadapi sebarang keadaan selalunya didorong oleh pengaruh syaitan. Sifat pemaarah yang dicela ialah marah yang bukan pada tempatnya dan tidak dengan sesuatu sebab yang benar. Selalunya orang pemaarah ini mewarisi sifat-sifat seperti sombong, bongkak, tidak boleh ditegur dan lain-lain. Bagaimanapun, Islam tidak melarang umatnya mempunyai sifat marah dalam hal-hal tertentu seperti

13

firman Allah dalam surah al-Tahrim ayat 9:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ
جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

14



<p><i>“Wahai Nabi! Berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka dan (sebenarnya) tempat mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.”</i></p>	15
<p>Orang yang mempunyai sifat suka marah selalunya akan menimbulkan pertengkaran untuk menang. Ini dilarang oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis daripada Abu Umamah Radiallahu’anhu yang bermaksud:</p> <p><i>“Tidak akan sesat sesuatu kaum sesudah diberi mereka petunjuk oleh Allah melainkan orang yang bertengkar.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah).</i></p>	16
<p>Fitnah pula dapat diertikan dengan menghasut yang bermaksud menyampaikan cakap seseorang kepada orang lain dengan menambah fakta tidak benar supaya orang yang mendengar menjadi benci dan naik radang. Perbuatan ini amat tidak disukai dalam Islam. Ia dianggap fasik dan tidak diterima persaksiannya.</p>	17
<p>Allah SWT berfirman dalam surah Al-Hujurat ayat 6:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾</p>	18
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”</i></p>	19



Sebahagian besar daripada penghasut ini adalah berniat untuk memutuskan hubungan orang dan akibat dari hasutan itu, banyak orang yang teraniaya. Manakala mengumpat pula ialah memperkatakan seseorang di belakangnya. Biasanya yang diperkatakan ini adalah sekitar kelakuan, keadaan badan, perangai dan sebagainya.

20

Perbuatan ini diharamkan dalam Islam dan termasuk dalam kategori dosa-dosa besar, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani."

21

Sifat mazmumah seterusnya ialah sifat sombong atau takbur yang bermaksud membesarkan diri (bongkak). Orang yang takabbur itu selalunya memandang dirinya lebih mulia dan lebih tinggi pangkatnya daripada orang lain serta memandang orang lain itu hina dan rendah pangkat. Sifat takabbur ini tiada sebarang faedah malah membawa kepada kebencian Allah dan juga manusia bahkan kadangkala membawa kepada keluar daripada agama kerana enggan tunduk kepada kebenaran.

22



Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 206 yang bermaksud:

"Dan apabila dikatakan kepadanya: "Bertakwalah kepada Allah", bangkitlah kesombongannya yang menyebabkannya berbuat dosa. Maka cukuplah (balasannya) neraka Jahanam. Dan sungguh neraka Jahanam itu tempat tinggal yang seburuk-buruknya."

23

Untuk menghindari sifat takbur ini, amalkan sifat tawaduk atau rendah diri dengan membanyakkan pergaulan dengan semua peringkat ahli masyarakat dan melatih diri mendengar pandangan orang lain dalam segala hal.

24

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama menghayati intipati seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa semua perkara akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti samada akhlak baik atau akhlak yang buruk.
2. Umat Islam hendaklah berusaha menghindari sifat-sifat mazmumah kerana ia adalah sifat yang tercela.
3. Kita hendaklah memahami bahawa akhlak yang mulia akan mendapat kebaikan di dunia dan akhirat bahkan dikasihi oleh semua makhluk.

25

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَا جَرَمَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرِينَ

26





"Sebenarnya, bahawa Allah mengetahui akan apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka zahirkan; sesungguhnya Dia tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur."

27

(Surah Al-Nahl : 23).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

28

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21